

---

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**PPK 221 – KEMAHIRAN MEMBACA, MENULIS DAN MENGIRA  
DALAM PENDIDIKAN KHAS**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

**ARAHAN**

Anda dikehendaki menjawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Masalah pendengaran yang merupakan asas kemahiran membaca bagi kanak-kanak berkeperluan khas boleh dikenal pasti dan diatasi.
  - (a) Huraikan **LIMA (5)** petanda yang boleh dijadikan panduan untuk mengenal pasti masalah pendengaran.

(10 markah)
  - (b) Jelaskan secara terperinci **SATU (1)** daripada masalah pendengaran yang dialami oleh kanak-kanak berkeperluan khas dan huraikan strategi yang boleh dilaksanakan oleh guru untuk mengatasi masalah tersebut.

(15 markah)
  
2. Terdapat masalah dan beberapa strategi yang boleh diaplikasikan oleh guru dalam proses pengajaran-pembelajaran kemahiran membilang.
  - (a) Jelaskan **LIMA (5)** masalah yang mungkin dihadapi oleh murid berkeperluan khas semasa membilang.

(10 markah)
  - (b) Cadangkan strategi yang boleh digunakan untuk meningkatkan kemahiran membilang bagi murid berkeperluan khas.

(15 markah)
  
3. Berikut adalah masalah penglihatan bagi kanak-kanak berkeperluan khas:-
  - i. diskriminasi bentuk
  - ii. koordinasi motor-penglihatan
  - iii. diskriminasi latar-bentuk
  - iv. persepsi bahagian kepada seluruh
  - v. ingatan penglihatan
  - (a) Jelaskan setiap masalah tersebut dengan ringkas.

(10 markah)
  - (b) Huraikan cara melaksanakan aktiviti untuk mengatasi setiap masalah penglihatan di atas.

(15 markah)

4. Kaedah-kaedah mengajar berikut merupakan cara membaiki kemahiran mengecam perkataan bagi kanak-kanak berkeperluan khas.
- i. Kaedah sintetik dan kaedah analitik
  - ii. Kaedah tatarajah (configuration)
  - iii. Kaedah linguistik
  - iv. Kaedah '*kinesthetic-tactile*'
  - v. Kaedah bacaan eklektik
- (a) Terangkan setiap kaedah di atas dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.  
(15 markah)
- (b) Pilih **DUA (2)** kaedah di atas dan bincangkan secara ringkas kekuatan dan kelemahan setiap kaedah tersebut.  
(10 markah)
5. Strategi mengajar menulis berikut dapat dijalankan di dalam kelas kanak-kanak berkeperluan khas.
- i. strategi pengajaran pratulisan
  - ii. strategi pengajaran menulis mekanis
  - iii. strategi pengajaran-pembelajaran penulisan karangan
- (a) Huraikan setiap strategi di atas untuk membaiki masalah menulis kanak-kanak berkeperluan khas.  
(15 markah)
- (b) Pilih **DUA (2)** strategi di atas dan berikan contoh-contoh aktiviti yang sesuai.  
(10 markah)
6. Pilih **SATU (1)** kemahiran sama ada membaca, menulis **ATAU** mengira. Kenal pasti **SATU (1)** masalah dalam kemahiran tersebut.
- (a) Sediakan **LIMA (5)** kriteria mendiagnosis masalah yang dikenal pasti.  
(10 markah)
- (b) Bina **SATU (1)** instrumen untuk mendiagnosis masalah yang dikenal pasti dan beri pendapat anda tentang kekuatan dan kelemahan instrumen ini.  
(15 markah)